

## KEPERLUAN TAWAKAL SEBAGAI ELEMEN KECERDASAN SPIRITUAL MENURUT PERSPEKTIF HADIS

SURIANI SUDI  
suriani@kuis.edu.my

PHAYILAH YAMA

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

### ABSTRAK

*Spiritual berfungsi sebagai pembentuk kehidupan seseorang. Maka, penekanan terhadapnya perlu diutamakan. Sarjana muslim seperti al-Ghazali dan Uthman Najati telah membincangkan akan keperluan kepada kecerdasan spiritual dan telah membentuk satu konsep kecerdasan spiritual menurut Islam dengan merujuk kepada al-Quran dan Hadis. Antara elemen kecerdasan spiritual yang penting adalah takwa. Untuk itu, kajian ini membincangkan elemen takwa ini menurut perspektif al-Quran dan Hadis. Kajian ini menggunakan kaedah analisis secara tematik iaitu dengan mengenal pasti ayat hadis-hadis yang berkaitan dengan dengan takwa. Hasil kajian mendapati tawakal merupakan antara elemen penting dalam menentukan tahap kecerdasan spiritual seseorang. Ia berperanan dalam melahirkan jiwa yang kuat seterusnya membawa individu tersebut kepada sifat daya tahan yang tinggi dalam menghadapi cabaran hidup*

**Kata kunci:** kecerdasan spiritual, hadis, tawakal

### 1. Pengenalan

Tidak dinafikan bahawa perkembangan keilmuan moden telah begitu didominasi oleh fahaman sekularisme. Sejarah peradaban moden telah didominasi oleh fahaman ini hingga akhirnya telah memisahkan jauh antara ilmu dengan spiritual agama. Sebagai contoh Zohar dan Marshal (2000) dua tokoh yang sering menjadi rujukan berkaitan kecerdasan spiritual, telah memperlihatkan unsur kemanusiaan dan humanisme serta memisahkan agama dari konsep tersebut di dalam ungkapannya;

Spiritual Quotient (SQ) tidak mesti berhubungan dengan agama. Bagi sebahagian orang, SQ mungkin menemukan cara pengukapan mengenai agama formal tetapi beragama tidak menjamin SQ yang tinggi. Banyak orang humanis dan atheis memiliki IQ yang sangat tinggi. Sebaliknya banyak orang yang aktif beragama memiliki SQ yang sangat rendah.

Meskipun tidak dinafikan bahawa aliran ini sering menyebut dan mengakui adanya daya spiritual dalam struktur keperibadian manusia contohnya apabila mereka mengatakan bahawa kecerdasan yang membuatkan hidup seseorang menjadi lebih luas, kaya dan bermakna. Mereka juga berpendapat kecerdasan spiritual adalah kecerdasan untuk menghadapi persoalan makna atau *value* iaitu kecerdasan untuk

menempatkan perilaku atau hidup kita dalam konteks makna yang lebih luas dan kaya, kecerdasan untuk menilai bahawa tindakan atau jalan seseorang itu lebih bermakna dibandingkan dengan yang lain. Kecerdasan spiritual adalah kecerdasan yang diperlukan untuk memfungsikan kecerdasan minda dan kecerdasan emosi secara efektif. Kecerdasan spiritual merupakan kecerdasan tertinggi yang harus dimiliki oleh seseorang dalam konteks menjalani kehidupan seharian. Maka menurut mereka kecerdasan spiritual adalah kecerdasan jiwa. Seseorang boleh mencapai kecerdasan spiritual yang tinggi apabila mereka berjaya memecahkan persoalan makna dan nilai sehingga mampu meletakkan perilaku dalam konteks makna yang lebih luas dan kaya. Akan tetapi, spiritual yang dimaksud oleh mereka ini bukanlah agama, tetapi hanya kebergantungan manusia pada sesuatu yang hanya nampak di hadapan mata dan makna serta nilai adalah semata-mata datang dari dalaman hati nurani manusia.

Akan tetapi, masih ramai pengkaji merujuk kepada konsep spiritual yang dikemukakan oleh Barat sedangkan Islam telah mendahului Barat di dalam hal ini. Walaupun kecerdasan spiritual adalah salah satu bidang penting dalam psikologi Islam, namun masih ramai para pengkaji dan penyelidik Islam telah mengambil konsep, dimensi-dimensi dan alat pengukuran kecerdasan spiritual dari Barat (Tajulashikin Jumahat & Nor Faizah Abdullah 2014). Perkara ini turut dijelaskan oleh Toto Tasmara (2001), menurutnya selama bertahun-tahun umat Islam telah terpesona dengan penemuan Barat yang mengatakan bahawa kecerdasan adalah nilai intelektual yang tinggi yang boleh diukur secara kuantitatif.

Hakikatnya menurut Suriani (2016), terdapat perbezaan yang jelas pada pandangan Barat ini berbanding apa yang telah Islam tetapkan. Barat menganggap kecerdasan spiritual adalah semata-mata sebagai potensi khas yang merupakan satu jawapan untuk mengisi kelompangan rohani mereka dan kemiskinan terhadap makna sebuah kehidupan hasil dari kemelut jiwa masyarakat Barat dalam jasad. Kecerdasan spiritual Barat juga adalah bertunjangkan kepada humanisme tanpa ada sebarang perkaitan dengan agama, kekuasaan dan kekuatan Tuhan. Sedangkan di dalam Islam spiritual atau kerohanian mempunyai hubungan langsung dengan Allah dan berasaskan kepada tauhid kepadaNya. Islam telah menegaskan bahawa pembangunan spiritual ini bermula dengan penjagaan hati sebagai raja anggota badan. Dalam perspektif psikologi Islam, hati diungkap sebagai *al-qalb* (Fariza 2013). Al-Qalb perlu kepada *tazkiyah al-nafs* sebagai satu proses penyucian jiwa untuk mencapai kecerdasan spiritual yang tinggi. Malah lebih dari itu, kecerdasan spiritual dalam Islam akan membuatkan seseorang itu menguasai kemampuan dan kekuatan dirinya ke tahap yang tertinggi yang dia mampu, mempunyai peribadi yang menyeluruh dan seimbang, malah mampu berhadapan ujian dan cabaran hidup serta mempunyai arah tuju kehidupan yang jelas. Kecerdasan spiritual itu juga akan menolak seseorang untuk berinteraksi bersama orang sekeliling lantas melakukan sesuatu yang berfaedah untuk diri dan masyarakatnya.

Spiritual menurut perspektif Islam adalah aspek dalaman manusia yang tidak dapat diungkap oleh pancaindera manusia. Spiritual adalah dimensi agama. Dari perspektif psikologi Islam, manusia dicipta mempunyai dua aspek yang saling memerlukan iaitu aspek spiritual dan jasmani (Fariza et. al, 2015). Oleh itu, individu yang sejahtera ialah individu yang mempunyai keseimbangan antara aspek spiritual dan material.

Maka kertas kerja ini akan mengupas aspek spiritual hadis. Kertas kerja ini akan memaparkan elemen kecerdasan spiritual menurut hadis dengan memfokuskan kepada elemen tawakal.

## 2. Metodologi Kajian

Penulis telah menjalankan kajian kualitatif secara analisa kandungan dengan menggunakan kaedah tematik. Di dalam kajian ini, penulis akan mengumpulkan hadis-hadis yang mempunyai kaitan dengan tawakal kemudian penulis meletakkan tema untuk hadis-hadis yang ditemui yang disertakan dengan penjelasan dan syarahan terhadap hadis-hadis tersebut.

## 3. Perbincangan Hasil Kajian

Pada bahagian ini penulis akan mulai dengan perbincangan berkaitan kecerdasan spiritual dan seterusnya elemen-elemen kecerdasan spiritual yang berkaitan dengan tawakal yang diambil dari hadis-hadis yang telah ditemakan.

### 3.1 Kecerdasan Spiritual

Para sarjana Islam telah memberikan maksud kepada kecerdasan spiritual. Dalam menghuraikan maksud spiritual, al-Ghazali (1998) dan (1994) menjelaskan bahawa di sana ada empat elemen yang membentuk spiritual seseorang iaitu *al-qalb* (hati), *al-ruh* (roh), *al-nafs* (jiwa) dan *al-'aql* (akal). Imam al-Ghazali (1998) telah mengklasifikasikan *al-nafs* kepada beberapa peringkat bermula dari yang bersifat *al-nafs al-ammarah* hinggalah kepada peringkat hati yang tenang lagi suci bersih yang dinamakan sebagai *al-nafs al-mutmainnah*. Pada tahap ini rasa cintanya kepada Allah mendorongnya sentiasa melakukan kebaikan dan mengajak orang lain ke arah kebaikan. Keinginannya untuk menyelamatkan manusia lain dari dosa dan kemurkaan Allah begitu tinggi sehingga mendorongnya menjadi seorang pendakwah yang sentiasa berjuang untuk menegakkan kalimah Allah. Peringkat inilah yang ditafsirkan sebagai spiritual yang sangat cerdas.

Ibn Sina (2009) pula membahagikan *al-Nafs* kepada tiga bahagian. Jiwa tumbuh-tumbuhan, jiwa haiwan dan jiwa insan. Jiwa tumbuh-tumbuhan adalah sebagai kesempurnaan awal bagi tubuh di mana ia daya nutrisi, daya pertumbuhan dan daya reproduktif. Jiwa ini dikatakan ada pada manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Jiwa haiwan pula terdiri dari dua daya iaitu daya penggerak (syahwat, emosi) dan daya persepsi (penglihatan, pendengaran, imaginasi, fantasi dan memori). Jiwa insaniah pula mencakup jiwa-jiwa yang khusus buat manusia. Ia juga dinamakan sebagai jiwa rasional yang menisbahkan semua fungsi kepada akal. Jiwa ini mempunyai dua daya iaitu daya akal praktis dan daya akal teori. Daya akal praktis cenderung untuk mendorong manusia untuk memutuskan perbuatan yang mahu dilakukan atau ditinggalkan, di mana kita boleh menyebutnya perilaku moral. Manakala daya akal teori adalah daya akal potensi dan akal bakat (Ibn Sina 2009). Maka jiwa insan inilah yang dikategorikan sebagai jiwa yang cerdas.

Manakala Najati (1992) menafsirkan kecerdasan spiritual sebagai kematangan emosi dan sosial. Iaitu kemampuan untuk menyesuaikan diri dengan lingkungan sekitarnya, mampu untuk menanggung tanggungjawab dan berdepan dengan pelbagai masalah.

Menjalani hidup dengan penuh reda dan bahagia dan bermakna. Najati (1992) juga menyamakan kecerdasan spiritual ini sebagai *al-nafs al-mutmainnah*.

Maka kecerdasan spiritual yang dimaksudkan di sini adalah kemampuan dalam berfikir, mengerti, memahami, sentiasa positif dan bertindak secara cepat dan sempurna dalam berinteraksi dengan persekitaran dan dalam menyelesaikan pelbagai permasalahan. Ia merupakan kualiti dalaman manusia yang berhubungan langsung dengan Allah. Ia bersifat dalaman, non material, hal-hal yang berkaitan kerohanian, bukan jasmani, yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar, secara khususnya adalah berkaitan dengan jiwa, ruh, hati, akal dan sifat insan. Ia juga merupakan aspek ma'nawi yang tersimpan di dalam diri manusia yang dapat menghubungkannya dengan individu yang lain dan dapat membantu manusia menyesuaikan diri dengan situasi kehidupan.

### 3.2 Kecerdasan Spiritual dan Kehidupan Manusia

Dalam pembentukan peribadi manusia, nabi s.a.w sangat memberatkan aspek spiritual dan ruhani dan menegaskan bahawa baiknya seseorang itu bermula dengan baiknya spiritual yang berada di dalam iaitu *al-qalb*. Perkara ni jelas dalam hadis baginda s.a.w yang diriwayatkan oleh Nu'man bin Basyir di bawah:

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ  
كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

Maksudnya: *Dan ketahuilah bahawa dalam setiap tubuh ada segumpal darah yang apabila baik maka baiklah tubuh tersebut dan apabila rosak maka rosaklah tubuh tersebut. Ketahuilah bahawa ia adalah hati* (Bukhari. *Sahih Bukhari* Kitab al-Iman. Bab Fadlu Man Istabra'a Dinihi. No hadis 52)

Di dalam hadis di atas, nabi SAW menegaskan baiknya seseorang itu bermula dengan baiknya *al-nafs* yang berada di dalam diri manusia iaitu *al-qalb*. Hati berfungsi sebagai pembentuk kehidupan seseorang. Ia berperanan dalam usaha menggerak, memberhenti atau memperelokkan perbuatannya. Beliau menjelaskan lagi bahawa hati yang baik adalah hati yang sentiasa ingat akan kebesaran Allah SWT, mematuhi perintahnya, menjaguh larangannya serta menjauhi perkara syubhat kerana takut terjatuh kepada yang haram. Jelas dari hadis ini bahawa Nabi s.a.w juga menekankan betapa perlunya seseorang itu menjaga serta memelihara hatinya atau spiritualnya untuk mendapatkan perbadi yang baik dan cemerlang (al-Nawawi (1989).

Islam amat mengambil berat akan spiritual dan rohani setiap muslim. Pertamanya kerana Allah telah mengaitkan pembangunan, perkembangan dan jatuh bangunnya seseorang malah sesebuah masyarakat dengan hati dan spiritual mereka. Perkara ini jelas di dalam ayatNya;

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ

Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.

(al-Ra'd: 11)

Oleh kerana itulah, perkara pertama yang mahu diubah oleh al-Quran adalah spiritual dan jiwa-jiwa orang Arab jahiliyah iaitu akidah dan pegangan mereka. Oleh kerana itulah juga, ayat-ayat al-Quran yang turun ketika fasa dakwah Rasulullah s.a.w di Mekah adalah bermatlamatkan kepada pengukuhan spiritual yang berteraskan akidah dan tauhid kepada Allah. Spiritual yang diperkukuh akidah tauhid merupakan langkah pertama untuk melakukan perubahan pada diri manusia yang akhirnya akan melahirkan kekuatan spiritual yang hebat yang bukan setakat mengubah dirinya sendiri malah mampu mengubah manusia, kehidupan dan alam seluruhnya (Najati 1992)

### *3.3 Tawakal Sebagai Elemen Kecerdasan Spiritual*

Tawakal menurut al-Ghazali (2006) ialah hati bergantung kepada Allah dan merasa tenang denganNya serta tidak goyah. Ia juga bermaksud mempercayai Allah dalam melaksanakan sesuatu rencana, bersandar kepadaNya dan berserah diri di bawah perlindunganNya. Individu yang mempunyai sifat tawakal akan melahirkan jiwa yang kuat kerana ia yakin bahawa Allah akan sentiasa beri bantuan dan petunjuk terhadap semua tingkah lakunya. Ia seterusnya membawa individu tersebut kepada sifat daya tahan yang tinggi dalam menghadapi cabaran hidup (al-Ghazali 1988). Menurut al-Ghazali (1988) lagi, tawakal itu terbahagi kepada tiga. Pertama; penyerahan diri kepada Allah. Kedua; penyerahan diri kepada Allah berasaskan kepada pengetahuan bahawa semua perkara adalah berpunca dari Allah SWT. Ketiga; penyerahan diri kepada Allah berasaskan kepada keyakinan bahawa Allah adalah penentu terhadap segala urusan dalam hidupnya. Menurut Ibn Qayyim (1993) pula, tawakal adalah mengenali Tuhan sebagai Rabb, sifatNya, kekuasaanNya, kemampuannya, kekuatanNya dan pengakhiran perkara kepada ilmuNya dan semua perkara yang berlaku adalah dengan kehendak dan kekuasannya. Maka antara ciri-ciri tawakal yang sebenar adalah tawakal hanya kepada Allah semata, pergantungan hati yang kuat kepada Allah dan merasa tenang denganNya dan tidak terganggu hatinya dengan sebab-sebab yang selain dari Allah SWT, bersangka baik dengan Allah, hati tunduk, reda dan menyerahkan urusan bulat-bulat kepada pentadbiran Allah SWT. Menurut Ibn Rajab (2001) pula, tawakal adalah hati yang benar-benar bergantung kepada Allah dalam mendapatkan kemaslahatan dan menolak kemudaratan dalam perkara dunia dan juga akhirat, dalam sekecil-kecil hingga sebesar-besar perkara. Seterusnya yakin bahawa tiada siapa selainNya yang akan memberi, menghalang, memberi manfaat dan juga memudaratkan. Kerana itu tawakal itu punyai hubungkait dengan iman. Adapun hakikat tawakal itu tidak menafikan usaha yang menjadi sebab kepada sesuatu perkara. Sesungguhnya Allah menyuruh agar menyediakan sebab dan dalam masa yang sama menyuruh supaya bertawakal. Berusaha pada sesuatu dengan anggota badan merupakan ketaatan kepadaNya manakala tawakal dengan hati adalah tanda iman kepadaNya. Manakala menurut Ibn Uthaimin (1426H), tawakal adalah menyerahkan urusan dan pergantungan terhadap Allah Azzawajalla pada zahir dan batin, pada mengharapkan manfaat dan menolak mudarat. Tawakal adalah hasil dari keyakinan. Keyakinan itu pula lahir dari kekuatan iman, sehingga seolah-olah ia melihat apa yang Allah khabarkan berkaitan perkara-perkara ghaib. Maka tawakal merupakan darjat tertinggi iman. Sifat tawakal ini akan membuatkan seseorang itu merasa bahagia dan tenang hidupnya kerana ia yakin dengan setiap apa yang dikhabarkan dan dijanjikan oleh Allah SWT. Kenyataan-kenyataan di atas

menjelaskan bahawa tawakal merupakan satu elemen yang mencerdaskan spiritual seseorang.

Antara hadis yang menyebut tentang keperluan tawakal adalah;

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا قَامَ مِنَ اللَّيْلِ يَتَهَجَّدُ قَالَ ...  
اللَّهُمَّ لَكَ أَسْلَمْتُ وَعَلَيْكَ تَوَكَّلْتُ وَبِكَ آمَنْتُ وَإِلَيْكَ أُنَبْتُ وَبِكَ خَاصَمْتُ وَإِلَيْكَ  
حَاكَمْتُ فَاعْفِرْ لِي

Dari Ibnu Abbas bahawa; Apabila Nabi s.a.w bangun tahajjud pada malam hari, baginda membaca: ... Ya Allah, kepada-Mu aku berserah, kepada-Mu aku bertawakkal, kepada-Mu aku beriman, kepada-Mu aku menyandarkan diri, karena-Mu aku memusuhi, dan kepada-Mu aku meminta penghakiman, maka ampunilah bagiku apa yang telah aku perbuat dan apa yang belum aku lakukan (Bukhari. Kitab al-Da'awat. Bab al-Du'a' Iza Antabahu bi al-Layl. No hadis 5842)

Al-Hilali (1997) dan Mustafa (1987) menyatakan bahawa hadis ini mewajibkan tawakal kepada Allah yang Esa kerana Dia bersifat dengan sifat yang sempurna dan hanya Dia tempat bergantung dan makhluk kesemuanya lemah dan akan mati. Makhluk adalah tidak layak untuk bergantung padanya. Maka hendaklah mencontohi nabi s.a.w dengan kalimah doa ini yang menggambarkan kepada keikhlasan iman dan keyakinan yang penuh kepada Allah SWT.

Hadis yang seterusnya adalah menyebut bahawa tawakal adalah merupakan amalan para Nabi;

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ { حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ } قَالَهَا إِبْرَاهِيمُ عَلَيْهِ السَّلَامُ حِينَ أُتْقِيَ فِي  
النَّارِ وَقَالَهَا مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ قَالُوا { إِنَّ النَّاسَ قَدْ جَمَعُوا لَكُمْ  
فَاخْشَوْهُمْ فَرَاذَهُمْ إِيمَانًا وَقَالُوا حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ }

Dari Ibnu 'Abbas: *حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ* adalah ucapan Ibrahim a.s ketika di lemparkan ke api. Juga diucapkan oleh Nabi s.a.w ketika orang-orang kafir berkata; Sesungguhnya manusia telah mengumpulkan pasukan untuk menyerang kamu, karena itu takutlah kepada mereka, maka perkataan itu menambah keimanan mereka dan mereka menjawab: Cukuplah Allah menjadi Penolong kami dan Allah adalah sebaik-baik Pelindung (Bukhari. Kitab Tafsir al-Quran. Bab Inna al-Nas Qad Jama'u Lakum. No hadis 3197)

Hadis ini menjelaskan kepentingan tawakal kepada Allah terutama ketika dalam kesusahan dan kepayahan dan hadis ini mengajarkan ucapan dan doa memohon pertolongan dari Allah iaitu *حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ*. Doa inilah yang menyempurnakan tawakal. Hadis ini juga menjelaskan kepada perlunya kepada mencontohi para Rasul yang mendekati diri kepada Allah dengan doa dan tawakkal kerana mereka menerima tentangan yang dahsyat dan tawakal itu sendiri merupakan cara hidup

mereka para nabi a.s (Al-Hilali 1997). Dengan izin Allah, doa dan ucapan *حَسْبُنَا اللَّهُ* *وَنِعْمَ الْوَكِيلُ* inilah yang telah menyelamatkan nabi Ibrahim a.s dari kepanasan api neraka dan yang menyelamatkan nabi Muhammad s.a.w dari musuh-musuh yang mahu menghapuskan baginda s.a.w sekembali dari peperangan Uhud. Kerana doa ini meletakkan pergantungan kepada Allah iaitu dengan menyerahkan segala urusan kepada Allah, maka Allah sekat kejahatan musuh sepertimana Allah menyekat kejahatan musuh terhadap nabi Ibrahim dan nabi Muhammad s.a.w.

Dalam sebuah hadis yang lain pula menyebut bahawa tawakal merupakan antara sebab masuk ke dalam syurga;

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ يَدْخُلُ الْجَنَّةَ أَقْوَامٌ أَفِيدَتْهُمْ  
مِثْلُ أَفِيدَةِ الطَّيْرِ

Maksudnya: Dari Abu Hurairah dari nabi s.a.w bersabda: "Beberapa kaum masuk syurga, hati mereka seperti hati burung. (Muslim. Kitab al-Jannah. Bab Yadkhulu al-Jannah aqwam Afidatuhum Mithlu Afidati al Tayr. No hadis 2840)

Maksud yang dikehendaki di dalam hadis ini adalah mereka yang bertawakal (al-Nawawi 1996). Tawakal adalah antara sebab masuk syurga. Hadis ini membuat perumpamaan kesempurnaan tawakal dengan tawakalnya burung yang keluar mencari makanan dengan perut yang kosong dan pulang dengan perut yang penuh (Al-Hilali 1997).

Hadis di bawah ini pula menegaskan kepada perlunya *thiqah* dengan Allah, tenang dengan pemeliharannya dan penjagaannya selepas berusaha mengambil langkah-langkah pengawasan dan penjagaan. Hadis ini juga menggambarkan kesempurnaan tawakal dan keyakinan nabi s.a.w bahawa Allah tidak akan membiarkan dan meninggalkannya kepada pihak musuh demi memastikan kebelangsungan hijrah sehinggalah kalimah Allah tertegak (Al-Hilali 1997; Ibn Uthaimin 1426H).

عَنْ أَبِي بَكْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قُلْتُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَا فِي الْعَارِ لَوْ  
أَنَّ أَحَدَهُمْ نَظَرَ تَحْتَ قَدَمَيْهِ لَأَبْصَرَنَا فَقَالَ مَا ظَنُّكَ يَا أَبَا بَكْرٍ بَاتْنَيْنِ اللَّهُ تَالِثُهُمَا

Maksudnya: Dari Abu Bakr r.a berkata; Aku berkata kepada Nabi s.a.w saat berada di gua; "Seandainya salah seorang dari mereka melihat ke bawah kedua kakinya pasti dia melihat kita". Maka baginda berkata: "Tidakkah engkau beranggapan wahai Abu Bakr, bahwa jika ada dua orang, maka Allah yang ketiganya? (Bukhari. Kitab al-Manaqib. Bab al-Manaqib al-Muhajirin. No hadis 3380)

Dalam sebuah hadis lain, baginda s.a.w telah mewasiatkan kepada Bara' bin 'Azib untuk membacakan sebuah doa ketika hendak tidur. Sebuah doa yang mengandungi maksud penyerahan urusan seorang hamba kepada Tuhannya dan pergantungan zahir dan batinnya kepada Allah SWT (Ibn 'Uthaimin 1426H).

عَنْ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَتَيْتَ مَضْجَعَكَ فَتَوَضَّأْ  
وَضُوءَكَ لِلصَّلَاةِ ثُمَّ اضْطَجِعْ عَلَيَّ شِقِّكَ الْأَيْمَنِ ثُمَّ قُلِ اللَّهُمَّ أَسْلَمْتُ وَجْهِي إِلَيْكَ  
وَفَوَّضْتُ أَمْرِي إِلَيْكَ وَأَلْجَأْتُ ظَهْرِي إِلَيْكَ رَغْبَةً وَرَهْبَةً إِلَيْكَ لَا مَلْجَأَ وَلَا مَنجَا  
مِنْكَ إِلَّا إِلَيْكَ اللَّهُمَّ آمَنْتُ بِكِتَابِكَ الَّذِي أَنْزَلْتَ وَبِنَبِيِّكَ الَّذِي أَرْسَلْتَ فَإِنْ مِتُّ مِنْ  
لَيْلَتِكَ فَأَنْتَ عَلَيَّ الْفِطْرَةَ

Dari Al Barra` bin 'Azib bahwa Nabi s.a.w pernah mewasiatkan kepada seseorang, beliau bersabda: 'Apabila kamu hendak tidur, maka ucapkanlah; Ya Allah ya Tuhanku, aku berserah diri kepada-Mu, aku serahkan urusanku kepada-Mu dan aku berlindung kepada-Mu dalam keadaan harap dan cemas, karena tidak ada tempat berlindung dan tempat yang aman dari adzab-Mu kecuali dengan berlindung kepada-Mu. Aku beriman kepada kitab-Mu yang telah Engkau turunkan dan aku beriman kepada Nabi-Mu yang telah Engkau utus).' Apabila kamu meninggal (pada malam itu) maka kamu meninggal dalam keadaan fitrah (suci) (Bukhari. Kitab al-Da'awat. Bab Ma Yaquul Iza Nama. No hadis 5838)

Hadis ini mengajarkan doa-doa yang untuk dibacakan sebelum tidur. Antara doa tersebut adalah doa tawakal kepada Allah iaitu *وَفَوَّضْتُ أَمْرِي إِلَيْكَ* dan doa ini membawa maksud “aku bertawakal kepadaMu dalam setiap urusanku” (Al-Hilali 1997).

Menurut Ibn Rajab (2001) pula, tawakal adalah hati yang benar-benar bergantung kepada Allah dalam mendapatkan kemaslahatan dan menolak kemudaratan dalam perkara dunia dan juga akhirat, dalam sekecil-kecil hingga sebesar-besar perkara. Hadis juga menyebut bahawa tanda jiwa yang kuat adalah jiwa yang menggantung harap kepada Allah (Mustafa 1987). Ianya jelas dalam hadis di bawah;

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : ... وَاسْتَعِنَ بِاللَّهِ وَلَا  
تَعْجِزْ ، وَإِنْ أَصَابَكَ شَيْءٌ فَلَا تَقُلْ : لَوْ أَنِّي فَعَلْتُ كَذَا وَكَذَا ، وَلَكِنْ قُلْ :  
قَدَّرَ اللَّهُ وَمَا شَاءَ فَعَلَ ، فَإِنْ لَوْ تَفْتَحُ عَمَلَ الشَّيْطَانِ

Maksudnya; dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: ... mohonlah pertolongan kepada Allah SWT dan janganlah kamu menjadi orang yang lemah. (Muslim. Kitab al-Qadr. Bab fi al-amr bi al-Quwwah wa Taraka al-'Ajz. No hadis 4822)

Hadis-hadis di atas jelas menunjukkan kepada kepentingan dan keperluan tawakal, meletakkan pengharapan dan meminta pertolongan hanya kepada Allah dalam mencari kebaikan dunia dan akhirat dan dalam apa jua urusan.

#### 4. Rumusan dan Implikasi Kajian

Spiritual berfungsi sebagai pembentuk kehidupan seseorang malah jatuh bangunnya sesebuah masyarakat adalah bermula dari hati dan spiritual anggotanya. Kerana itu perkara pertama yang mahu diubah oleh al-Quran adalah spiritual dan jiwa-jiwa orang Arab jahiliyah iaitu berkaitan iman dan akidah mereka. Hasil kajian mendapati tawakal merupakan antara elemen penting dalam menentukan tahap kecerdasan spiritual seseorang seterusnya menjadi asas kepada pembinaan peradaban manusia. Ini kerana individu yang mempunyai sifat tawakal akan melahirkan jiwa yang kuat kerana ia yakin bahawa Allah akan sentiasa beri bantuan dan petunjuk terhadap semua tingkah lakunya. Ia seterusnya membawa individu tersebut kepada sifat daya tahan yang tinggi dalam menghadapi cabaran hidup

#### RUJUKAN

- Bukhari, Abu Abdullah Muhammad b. Ismail b. Ibrahim al-Mughirah. 1992. *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah.
- Danah Zohar & Ian Marshall. 2000. SQ - *Spiritual Intelligence, The Ultimate Intelligence*. AJM January 2001. <http://www.alisonmorgan.co.uk/Zohar.htm>.
- Fariza Md Sham et al. 2015. *Education Module for Out-Of-Wedlock Pregnant Adolescents*. *The Turkish Journal of Educational Technology*. August 2015.
- Fariza Md. Sham et al. 2013. *Personaliti Dari Perspektif al-Ghazali*. Bangi: Penerbit UKM
- Al-Ghazali Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 1998. *Ihya’ Ulum al-Din*. Jil 3. Kaherah: Dar al-Hadis.
- al-Ghazali Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 1994. *Majmu’ah Rasa’il al-Imam al-Ghazali*. Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Hilali Abu Usamah Salim bin ‘Aid. 1997. *Bahjah al-Nazirin Syarh Riyadh al-Salihin*. Riyadh :Dar Ibn Jawzi.
- Ibn Hajar al-‘Asqalani Ahmad bin ‘Ali 1986. *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Rayyan li al-Turath.
- Ibn Rajab Al-Hanbali Zainuddin Abd.al-Rahman bin Ahmad bin Rajab. 2001. *Jami’ ‘Ulum wa al-Hikam*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Ibn Sina. 2009 . *Ahwal an-Nafs: Risalah fi Nafs wa Baqa’iha wa Ma’adiha (terj.) Psikologi Ibn Sina*, Bandung, Pustaka Hidayah.
- Ibn al-Uthaimin Muhammad bin Saleh bin Muhammad. 1426H. *Syarah Riyad al-Salihin*. Riyadh: Dar al-Watan li al-Nasyr
- Ibn al-Uthaimin Muhammad bin Saleh bin Muhammad. 2004. *Syarh al-Arba’in al-Nawawiyah*. Riyadh: Dar al-Thurayya.
- Ibn Qayyim Al-Jawziyyah Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Abi Bakr 1993. *Mukhtasar Madarij al-Salikin*. Iskandariyah: Dar Da’wah.
- Muhammad Uthman Najati. 1992. *al-Hadith al-Nabawi wa ‘Ilm al-Nafs*. Beirut, Lubnan: Dar al-Shuruq.
- Muslim, Abu al-Husin Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qusyairiy al-Naysaburi. 1955. *Sahih Muslim*. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Mustafa Sa’id al-Khan et.al. 1987. *Nuzhah al-Muttaqin Syarh Riyadh al-Salihin*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

- Al-Nawawi. Muhy al-Din Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf. 1996. *Al-Minhaj Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Nawawi. Muhy al-Din Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf. 1989. *Hadis Empat Puluh*. Terj. Mustafa Abdul Rahman. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Suriani Sudi, Fariza Md.Sham & Phayilah Yama. 2016. *Konsep Kecerdasan Spiritual Islam Dan Barat*. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah. Vol 3 Bil 1 (Jun 2016) e-ISSN: 2289 8042
- Toto Tasmara. 2001. *Kecerdasan Rohaniah (Transcendental Intelligence)*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Tajulashikin Jumahat & Nor Faizah Abdullah, 2014, *Perbandingan Konsep Kecerdasan Spiritual Dari Perspektif Islam Dan Barat: Satu Penilaian Semula*. Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic 2014. (e-ISBN 978-967-11768-4-9), 4-5 March 2014, Kuala Lumpur, MALAYSIA.